

**PERANAN PEREMPUAN BUGIS DALAM PENYEBARAN ISLAM  
DI ALAM MELAYU**  
*(The Role of Bugis Women in The Spread of Islam in Malay World)*

Nur Dina Najati Mohd Nasir\* Mohd Roslan Mohd Nor\*\*

**Abstrak**

*Penelitian ini cuba untuk menggali peranan perempuan Bugis dalam penyebaran Islam di Alam Melayu. Sebagai suku bangsa yang memiliki akar budaya Islam yang kuat di Sulawesi Selatan, perempuan Bugis memiliki peranan yang penting dalam menyebarkan ajaran ini di wilayah sekitarnya. Melalui sokongan keluarga, pengajaran agama, penglibatan dalam kegiatan kemasyarakatan, pengaruh dalam politik dan sebagainya, perempuan Bugis telah membawa watak yang signifikan dalam membentuk dan memperkuat identiti Islam dalam masyarakat di Alam Melayu. Kajian ini membuka ruang untuk memahami lebih lanjut berkenaan peranan perempuan dalam dinamika penyebaran Islam, serta kesannya terhadap struktur sosial dan budaya di wilayah berkenaan. Kesimpulan daripada penelitian ini dapat memberikan wawasan yang lebih mendalam tentang bagaimana perempuan Bugis telah menjadi ejen yang penting dalam mengubah lanskap agama dan budaya di Alam Melayu dengan pengaruh daripada budaya Bugis-Makassar serta peranan wanita dalam Islam yang cenderung memartabatkan kedudukan wanita yang tinggi di sisi Islam.*

**Kata Kunci:** Perempuan Bugis, penyebaran Islam, budaya, Alam Melayu

**Abstract**

*This research attempts to explore the role of Bugis women in the spread of Islam in the Malay World. As a tribe with strong Islamic cultural roots in South Sulawesi, Bugis women have an important role in spreading these teachings in the surrounding region. Through family support, religious teaching, involvement in community activities, influence in politics and so on, Bugis women have played a significant role in shaping and strengthening Islamic identity in society in the Malay world. This study opens up the space to understand more about the role of women in the dynamics of the spread of Islam, as well as its impact on the social and cultural structure in the region. The conclusion of this research can provide a deeper insight into how Bugis women have become important agents in changing the religious and cultural landscape in the Malay World with the influence of Bugis-Makassar culture as well as the role of women in Islam which tends to dignify the high position of women in Islam.*

**Keywords:** Bugis women, spread of Islam, culture, Malay world

---

\* Nur Dina Najati Mohd Nasir. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [nurdinanajati@gmail.com](mailto:nurdinanajati@gmail.com)

\*\* Mohd Roslan Mohd Nor (PhD) Profesor di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [m\\_roslan@um.edu.my](mailto:m_roslan@um.edu.my)

## Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai masyarakat Bugis dari aspek sejarah kewujudannya serta penekanan terhadap perempuan Bugis terutamanya peranan mereka dalam perkembangan Islam di Alam Melayu. Hal ini kerana Bugis merupakan antara suku kaum Melayu yang mempunyai keunikannya tersendiri dengan penceritaan sejarah yang begitu kompleks dan menarik untuk dikaji dan dijadikan bahan bacaan di samping membolehkan kita menelusuri susur galur mereka agar lebih memahami adat dan budaya yang diamalkan.

Keunikan suku Bugis tidak terhenti hanya pada kisah Raja Kechik dan musuh-musuhnya, tetapi juga pada nilai yang ada pada tunjang utama sesebuah keluarga dan masyarakat, iaitu wanita. Islam telah lama mengangkat martabat wanita baik sebagai anak, isteri mahupun ibu yang banyak berjasa dan berkorban untuk keluarga dan individu di sekelilingnya. Wanita-wanita Bugis sama sekali tidak diceritakan menjadi bahan atau objek yang direndah-rendahkan oleh lelaki mahupun masyarakat secara umumnya walaupun pada awal penceritaan dalam mana-mana penulisan berkenaan suku ini, di saat wanita-wanita di bahagian dunia yang lain dipergunakan dan diperkotak-katikkan seperti tiada nilai sama sekali. Thomas Stamford Raffles dalam bukunya *History of Java* menyatakan bahawa:

*“The women are held in more esteem than could be expected from the state of civilization in general, and undergo none of those severe hardships, privations or labours that restrict fecundity in other parts of the world.”<sup>1</sup>*

Kenyataan ini membuktikan bahawa masyarakat Bugis telah lama mengamalkan ajaran Islam yang benar, bahkan ketika seluruh dunia belum menghargai kewujudan dan pengorbanan insan bergelar wanita bahkan bertindak menindas golongan ini hanya kerana jantinanya yang dianggap sebagai makhluk yang lemah dan hina. Selain dihormati, wanita-wanita Bugis juga diberikan peluang dan menerima layanan yang adil untuk menceburi bidang kepemimpinan dan pendidikan<sup>2</sup>. Contoh yang paling signifikan ialah Siti Aisyah *We Tenri Olle* yang merupakan Datu (Ratu) Kerajaan Tanete, Sulawesi Selatan.<sup>3</sup> Selain itu, beliau juga merupakan individu pertama yang membuka sekolah yang menggabungkan lelaki dan perempuan tanpa terdapat perbezaan dari sudut silibus serta menyediakan peluang kepada anak muda untuk mendekati ilmu melalui pendidikan di sekolah.

Oleh yang demikian, kajian ini akan berkisarkan penelitian terhadap sejarah suku Bugis secara ringkas untuk memahami susur galurnya di samping mengenal pasti sifat-sifat yang ada pada perempuan Bugis yang membolehkan mereka mendapat tempat dalam masyarakat sejak dahulu kala serta peranan yang dimainkan oleh golongan ini dalam perkembangan Islam di Alam Melayu memandangkan tokoh-tokohnya sendiri banyak menyumbang dalam dunia pendidikan serta memberi inspirasi kepada kaum wanita untuk bergiat aktif dalam pelbagai bidang.

---

<sup>1</sup> Raffles, T. S., *A history of java* (Vol. 2) (Cambridge University Press, 2010).

<sup>2</sup> Musyfikah Ilyas, ‘Peran Perempuan Bugis Perspektif Hukum Keluarga Islam’, *Al-Risalah*, 19/1 (2019): 78-89, doi:10.24252/al-risalah.v19i1.9687

<sup>3</sup> Arizeti Febriana, ‘Perancangan Media Promosi Biografi “We Tenri Olle”’, Diploma (2019) Universitas Negeri Makassar, Diambil semula dari <http://eprints.unm.ac.id/id/eprint/13936>

## **Peranan Wanita dalam Islam**

Wanita dalam Islam disanjung tinggi bukan hanya kerana mampu melahirkan anak, tetapi juga atas faktor kerancakan mereka untuk menyumbang dalam pelbagai bidang sama ada yang bersifat domestik mahupun komersial. Kepelbagaiannya peranan mereka berhasil membentuk bukan hanya diri mereka masing-masing sahaja, tetapi juga generasi muda serta masyarakat sekelilingnya yang terpengaruh dan terinspirasi dengan kemampuan dan usaha wanita-wanita hebat ini. Antara peranan besar seorang wanita termasuklah sebagai seorang ibu, isteri, ahli politik, pendakwah, pakar perubatan dan sebagainya yang terbukti bermanfaat untuk umat manusia. ‘Abd al-Rabb menyatakan bahawa pada zaman Rasulullah SAW, terdapat enam bidang utama yang diceburi oleh kaum wanita iaitu dakwah, keilmuan, pengurusan rumah tangga, jihad dan peperangan, pertukangan tangan serta urusan kemasyarakatan.<sup>4</sup> Menurut Zaleha Kamaruddin pula, 50 peratus penduduk Malaysia yang memonopoli kejayaan dalam pelbagai bidang termasuklah pendidikan dan kerjaya terdiri daripada kaum wanita.<sup>5</sup>

### **i. Peranan Wanita sebagai Ibu**

Peranan insan bergelar ibu tidak hanya terbatas bagi proses kehamilan dan melahirkan sahaja, malahan juga dalam mendidik anak-anak dari kecil sehingga dewasa agar mereka mematuhi syariat Islam serta mengamalkan nilai-nilai yang dianjurkan oleh agama<sup>6</sup> untuk kesenangan dan ketenangan hidup dunia dan akhirat.

### **ii. Peranan Wanita sebagai Pendakwah**

Wanita-wanita Islam perlu menyebarkan dakwah serta mengamalkan amar makruf nahi mungkar. Wanita-wanita beriman semestinya mampu membantu saudara seagama untuk benar-benar memahami ajaran Islam yang sesungguhnya. Mereka juga perlu memperbaiki diri dari semasa ke semasa serta menjalankan kewajipan beribadah dengan hati yang khusyuk.

### **iii. Peranan Wanita sebagai Pendidik**

Wanita merupakan madrasah pertama bagi anak-anaknya. Peranan seorang wanita dalam dunia pendidikan amat penting, bahkan seorang ibu mula mendidik anaknya saat mereka masih berada di dalam rahim lagi. Hal ini menunjukkan kepentingan seseorang wanita memainkan peranan dalam dunia keilmuan kerana konsep dan cara mendidik yang dibawa adalah berbeza sama sekali daripada cara lelaki menyampaikan ilmu. Kefakihan seseorang wanita juga tidak boleh dipandang enteng kerana mereka telah dicipta untuk menjadi seorang yang beremosi, maka ilmu yang mereka ajarkan dan perhalusi juga disampaikan dengan sepenuh hati, menjadikan maklumat berkenaan lebih mudah untuk difahami dan dihayati oleh pendengar.

<sup>4</sup> ‘Abd al-Rabb Nawwab al-Din, ‘*Amal al-Mar’ah wa Mawqif al-Islam Minh* (al-Mansurah: Dar al-Wafa’, 1986).

<sup>5</sup> Zaleha Kamaruddin, ‘Emansipasi Wanita: Kontradiksi Antara Islam dan Barat’ (*Kertas Kerja Seminar Penghayatan Fiqh Wanita*, Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan. Universiti Malaya: 15-16 November 1997).

<sup>6</sup> Mariam Abd. Majid., & Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin, ‘Trend dan Faktor Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor dari Tahun 2011 hingga 2015’, *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2/2 (2017).

#### **iv. Peranan Wanita sebagai Pengurus Rumah Tangga**

Kalimah wanita dan rumah tangga sudah tidak asing lagi. Sejak dahulu, wanita sentiasa dikaitkan dengan perkahwinan, baik secara paksa maupun rela. Wanita hari ini sudah semakin bijak mengurus emosi dan diri menjadikan mereka bukan lagi objek untuk ditindas, lebih-lebih lagi oleh golongan lelaki yang suka mengambil kesempatan ke atas wanita kerana menganggap mereka lemah. Seorang isteri dan ibu memainkan peranan yang sangat penting dalam sesebuah keluarga. Mereka merupakan individu yang paling berjasa dalam menguruskan rumah tangga serta menjamin kebahagiaan diri, suami dan anak-anak.

#### **v. Peranan Wanita dalam Masyarakat**

Peranan wanita walaupun kebanyakannya berkisarkan tentang sumbangan dan usahanya untuk berkhidmat buat keluarga di dalam rumah, namun mereka turut berbakti kepada masyarakat. Zainab bin Jahsy merupakan isteri Rasulullah yang pertama meninggal dunia setelah kewafatan Baginda. Beliau merupakan seorang yang sangat rajin bekerja untuk menyamak dan menjahit kulit binatang. Beliau juga merupakan seorang yang mahir dalam bidang pertukangan tangan. Namun begitu, hasil kerja beliau bukanlah untuk didagangkan. Sebaliknya, beliau menggunakan kemahirannya ini untuk bersedekah di jalan Allah yang menyebabkan beliau digelar dengan ‘panjang tangan’, yang merujuk kepada banyaknya orang yang mendapat manfaat daripada hasil tangannya. Hal ini jelas menunjukkan sumbangan wanita bukan hanya terhad di rumah, namun boleh sampai kepada masyarakat walau dengan usaha sekecil mana sekali pun, kerana Islam tidak pernah meletakkan batas kepada hambanya dalam melakukan kebajikan.

### **Sifat-Sifat Perempuan Bugis berdasarkan Masyarakat Bugis Makassar**

Masyarakat Bugis merupakan antara suku yang masih berpegang teguh terhadap adat dan budaya mereka.<sup>7</sup> Perempuan Bugis terkenal dengan kejelitaannya yang memukau serta pengamalan adat dan budaya yang masih kuat sehingga ke hari ini. Rangkaian cerita dalam sejarah hidup wanita Bugis berkisarkan situasi ditindas kepada merdeka, terseksa kepada aman, kehinaan kepada kemuliaan seperti halnya wanita secara umum.

#### **i. Sifat Berani**

Dalam naskhah kuno, perempuan Bugis disebut “materru” yang bermaksud berani.<sup>8</sup> Hal ini jelas membuktikan keberanian wanita Bugis telah lama bertapak dalam hati dan jiwa wanita dan masyarakat Bugis. Situasi ini memperkuat lagi mitos masyarakat Bugis yang dikatakan merantau kerana ditakdirkan oleh Dewata Seuae yang bererti Yang Maha Esa untuk menjadi kaya.<sup>9</sup> Golongan ini juga digelar sebagai orang yang mempunyai *wawang asogireng* yang

---

<sup>7</sup> Ismail Suardi Wekke, ‘Islam dan Adat dalam Pernikahan Masyarakat Bugis di Papua Barat’, *Thaqāfiyyāt*, 13 (2017)

<sup>8</sup> Abdillah Mustari, ‘Perempuan Dalam Struktur Sosial Dan Kultur Hukum Bugis Makassar’, *Al-‘Adl*. 9/1 (2016).

<sup>9</sup> Ibid.

bermaksud ilmu untuk menguasai kekayaan. Wanita juga digalakkan untuk berani keluar meninggalkan kampung halaman untuk mendapatkan nasib hidup yang lebih baik.

## ii. Sifat Malu

“*Utettong ri ade'e, najagainnami siri'ku*”

Frasa ini membawa maksud bahawa seseorang itu hanya taat kepada adat kerana harga dirinya dipelihara. Inilah yang dipegang oleh wanita-wanita Bugis untuk tetap dengan sifat *siri'* iaitu menjaga maruah dan harga diri. Wanita Bugis sentiasa dipesan oleh masyarakat Bugis untuk tidak memalukan keluarga atau istilah Bugisnya *appakasiriq*. Perempuan sering dinasihatkan untuk memperketat penjagaan diri kerana diibaratkan sebagai sesuatu yang mudah hancur.

## iii. Sifat Bijaksana

Naskhah kuno Bugis juga menyebut bahawa wanita Bugis dihiasi dengan dengan sifat “*malampé' nawa nawa*” yang bermaksud bijaksana. Hal ini jelas bertitik tolak daripada keaslian sifat wanita Bugis yang berfikiran jauh dan setiasa bergerak maju ke hadapan, di samping atas keberuntungan mereka yang disokong sepenuhnya oleh masyarakat Bugis untuk mengutarakan pandangan dan mendapat tempat dalam semua urusan kehidupan.

# Peranan Perempuan Bugis dalam Penyebaran Islam di Alam Melayu

Menurut Nurhayati Rahman, masyarakat Bugis berpegang teguh dengan dua daripada lima unsur dalam konsep adat *pangngadereng* Bugis iaitu undang-undang sosial mereka. Unsur-unsur tersebut merupakan *adeq* iaitu adat-istiadat dan *saraq* yang merujuk kepada syariat Islam.<sup>10</sup> Kedua-dua unsur ini mempunyai kepentingan dan tugasnya masing-masing<sup>11</sup> yang saling berkait untuk memastikan adat yang dijalankan oleh masyarakat Bugis tidak terpesong daripada ajaran agama Islam. Wanita Bugis juga memainkan peranan mereka berdasar dua unsur ini kerana mereka masih kuat mengamalkan adat dan budaya nenek moyang mereka, tetapi mereka juga faham bahawa ajaran agama perlu dijadikan asas sebelum melakukan sesuatu perkara. Maka, peranan wanita Bugis selain daripada sebagai penerus kepada pengamalan dan kelestarian adat istiadat Bugis, mereka juga membawa watak penting dalam memastikan amalan yang dilakukan tidak bertentangan dengan syariat Islam.

## i. Wanita Bugis Sebagai Penyambung Tradisi

Wanita Bugis berperanan sebagai penyambung tradisi dan adat budaya masyarakat Bugis yang telah berlangsung secara turun temurun. *Adeq*, *saraq* dan *sompeq* merupakan antara adat dan unsurnya yang masih giat dilaksanakan oleh para perempuan Bugis sehingga ke hari ini, bahkan fungsinya lebih meluas jika dibandingkan dengan zaman awal penerimaan Islam oleh

<sup>10</sup> Ismail Suardi Wekke, ‘Islam dan Adat dalam Pernikahan Masyarakat Bugis di Papua Barat’, *Thaqāfiyyāt*, 13 (2017)

<sup>11</sup> Abdul Rahman Arshad, *Unity and Education in Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007).

masyarakat Bugis dahulu. Kini, para wanita Bugis turut berhijrah atau merantau untuk tujuan menuntut ilmu di samping mencari peluang pekerjaan yang lebih baik di luar kawasan penempatan mereka. Hal ini jelas membuktikan bahawa perempuan Bugis masih mengamalkan adat *sompeq* yang telah berakar umbi sejak sekian lamanya dalam kalangan masyarakat Bugis. Bahkan, ada antara mereka yang sudah pun menjadi isteri dan ibu yang menggalakkan pasangan serta anak-anak untuk meneruskan misi merantau ini supaya mereka dapat memperbaiki taraf hidup masing-masing.

#### **ii. Wanita Bugis sebagai Pendidik**

Wanita Bugis mempunyai kedudukan yang terhormat dalam budaya Bugis. Hal ini kerana mereka dianggap akan menjadi seorang ibu yang akan memberikan pendidikan pertama kepada anak-anaknya. Mereka juga secara amnya merupakan ‘pendidik’ kepada masyarakat serta diangkat sebagai seorang ratu dalam pengurusan rumah tangga.<sup>12</sup> Bagi kaum wanita Bugis, hal ini walaupun merupakan suatu penghormatan buat mereka, tetapi mereka tidak dapat hidup selesa dengan gelaran ini kerana mereka faham benar bahawa terdapat tanggungjawab yang besar perlu dipikul oleh mereka apabila mereka mendirikan rumah tangga nanti.

#### **iii. Wanita Bugis sebagai Isteri**

Di sisi seorang suami, isteri juga merupakan *Pattaro* yang bermaksud pengurus rumah tangga. Segala hal yang terjadi di rumah mestilah diketahui dan mendapat persetujuan isteri terlebih dahulu. Isteri juga merupakan ‘ratu’ yang akan bertindak menjaga keselamatan harta benda selain dirinya sewaktu ketiadaan suami di rumah. Isteri akan mengambil alih tugas suami dalam memastikan keperluan rumah tangga dalam keadaan yang lengkap seperti barang dapur dan sebagainya.

#### **iv. Wanita Bugis dalam Masyarakat**

Wanita Bugis tidak hanya berperanan dalam hal-hal keagamaan, namun juga dalam isu-isu kemasyarakatan. Masyarakat Bugis menjunjung tinggi nilai yang ada pada aktiviti yang melibatkan kebersamaan sukunya. Wanita Bugis merupakan antara individu di sebalik tabir yang sentiasa ada untuk menjayakan sesbuah majlis atau berkhidmat dalam komuniti. Proses interaksi yang dilakukan oleh mereka membolehkan nilai-nilai agama disampaikan secara langsung dan tidak langsung kepada masyarakat sekeliling. Hasil daripada interaksi inilah, masyarakat Bugis di Alam Melayu semakin terbuka dengan ajaran Islam, lebih-lebih lagi dengan kemampuan mereka untuk mengadaptasi nilai-nilai Islam dalam adat dan budaya mereka.

---

<sup>12</sup> Andi Muhammad Shaleh Alwi, ‘Wanita Karir Dalam Perspektif Pria Bugis’, *Studi Kasus Di Kota Makassar*, Universitas Hasanuddin (2015).

v. **Wanita Bugis sebagai Pemimpin**

Sejarah Bugis mencatatkan nama-nama tokoh wanita yang berperanan penting sebagai pemimpin seperti Adatuang We Abeng, Datu Pattiro We Tenrisoloreng, We Batari Toja Daeng Tallang dan ramai lagi tokoh pemimpin wanita yang lain. Tokoh-tokoh bersejarah ini memiliki pengaruh yang besar terhadap perkembangan masyarakat Bugis pada ketika itu. Hari ini, wanita Bugis giat terlibat dalam kegiatan politik dan petadbiran negara. Beberapa daripadanya telah berjaya menjadi ahli parlimen, perwakilan negeri serta pegawai kerajaan berstatus tinggi, membuktikan bahawa masyarakat Bugis terbuka dengan peranan perempuan Bugis dalam pembangunan dan pengelolaan pemerintahan.

**Kesimpulan**

Wanita-wanita Bugis jelas berperanan hebat dalam penyebaran Islam di Alam Melayu. Walaupun tidak ramai daripada mereka menjadi ulama sebagaimana kaum lelaki, namun tidak dapat disangkal lagi bahawa usaha yang dilaksanakan oleh mereka begitu besar dan memberi pelbagai manfaat kepada masyarakat Bugis di alam Melayu secara umumnya. Penglibatan mereka dalam masyarakat, menjadi isteri dan ibu yang ikhlas berkhidmat di rumah, terlibat secara aktif dalam politik sebagai pemimpin dan sebagainya sepatutnya memberi inspirasi kepada wanita seluruh dunia terutamanya wanita Islam untuk terus berusaha keras berjuang untuk diri, keluarga, masyarakat dan agama agar menambah bukti bahwasanya Islam membawa nafas baru kepada umatnya, menambah nilai yang ada pada diri setiap penganutnya, lebih-lebih lagi wanita.

## **RUJUKAN**

- ‘Abd al-Rabb Nawwab al-Din, ‘Amal al-Mar’ah wa Mawqif al-Islam Minh (al-Mansurah: Dar al-Wafa’, 1986).
- Abdillah Mustari, ‘Perempuan Dalam Struktur Sosial Dan Kultur Hukum Bugis Makassar’, Al-‘Adl. 9/1 (2016).
- Abdul Rahman Arshad, Unity and Education in Malaysia (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007).
- Andi Muhammad Shaleh Alwi, ‘Wanita Karir Dalam Perspektif Pria Bugis’, Studi Kasus Di Kota Makassar, Universitas Hasanuddin (2015).
- Arizeti Febriana, ‘Perancangan Media Promosi Biografi “We Tenri Olle”’, Diploma (2019) Universitas Negeri Makassar, Diambil semula dari <http://eprints.unm.ac.id/id/eprint/13936>
- Ismail Suardi Wekke, ‘Islam dan Adat dalam Pernikahan Masyarakat Bugis di Papua Barat’, Thaqâfiyyât, 13 (2017).
- Mariam Abd. Majid., & Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin, ‘Trend dan Faktor Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor dari Tahun 2011 hingga 2015’, Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues, 2/2 (2017).
- Musyfikah Ilyas, ‘Peran Perempuan Bugis Perspektif Hukum Keluarga Islam’, Al-Risalah, 19/1 (2019): 78-89, doi:10.24252/al-risalah.v19i1.9687
- Raffles, T. S., A history of java (Vol. 2) (Cambridge University Press, 2010).
- Zaleha Kamaruddin, ‘Emansipasi Wanita: Kontradiksi Antara Islam dan Barat’ (Kertas Kerja Seminar Penghayatan Fiqh Wanita, Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan. Universiti Malaya: 15-16 November 1997).